PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

Cekap Akauntabel Telus

16 – 30 Jun 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

Selamat Menyambut Hari Bapa Daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang.

# KM menang saman fitnah kedua




**KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco Kerajaan Negeri menunjukkan tanda kesepakatan selepas Mahkamah Tinggi Pulau Pinang sekali lagi memutuskan akhbar perdana, Utusan Malaysia bersalah kerana menfitnah beliau melalui artikel berita, "DEB: Guan Eng tetap berdegil" yang disiarkan pada 15 Mac 2008. Kemenangan tersebut merupakan yang kedua. Kali pertama Utusan Malaysia kalah saman fitnah pada 15 Disember tahun lalu, iaitu mengenai rencana bertajuk, "Kebiadaban Guan Eng" yang tersiar pada 20 Disember 2010.** *Gambar oleh:* ***ALISSALA THIAN***

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Mahkamah Tinggi Pulau Pinang sekali lagi memutuskan akhbar perdana, Utusan Malaysia (Utusan) bersalah kerana menfitnah Ketua Menteri Pulau Pinang melalui artikel berita, "DEB: Guan Eng tetap berdegil" yang disiarkan pada 15 Mac 2008.

Kali pertama Utusan kalah saman fitnah pada 15 Disember tahun lepas, iaitu mengenai rencana bertajuk "Kebiadaban Guan Eng" yang disiarkan pada 20 Disember 2010.

Pesuruhjaya Kehakiman, Normala Salim semasa membuat ketetapan berkata, beliau bersetuju dengan penghujahan pihak pendakwaan, iaitu Utusan mempunyai "niat jahat" terhadap Guan Eng.

"Mahkamah berpendapat, ada niat jahat oleh pihak defenden dengan menggunakan perkataan 'menghapuskan' DEB (Dasar Ekonomi Baru)," ujar beliau.

Beliau berkata, perkataan "membebaskan DEB" yang diucapkan oleh Guan Eng adalah jelas tidak membawa maksud "menghapuskan DEB".

Malah, katanya, saksi pihak pembelaan sendiri sebelum ini mengakui bahawa penggunaan perkataan "menghapuskan DEB" adalah kesimpulan peribadi wartawan Utusan sendiri.

Justeru, Utusan diarahkan membayar ganti rugi berjumlah RM200,000 serta RM20,000 kos kehakiman kepada Guan Eng.

Guan Eng diwakili oleh peguam, Jagdeep Singh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, manakala, Utusan diwakili oleh peguam, Mohana Kumar.

Guan Eng pada satu kenyataan media di luar kamar perbicaraan berkata, beliau berharap Utusan serta media arus perdana milik UMNO yang lain mengambil iktibar.

"Kemenangan ini adalah satu 'perwakilan simbolik' bukan sahaja pada diri saya, tetapi kepada semua pemimpin Pakatan Rakyat (PR) yang turut difitnah sebelum ini," ujarnya.

Jagdeep pula berkata, Utusan diharap dapat menghormati ketetapan yang dibuat oleh mahkamah.

Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng, Abdul Malik Abul Kassim, Danny Law Heng Kiang, Wong Hon Wai, Lidya Ong Kok Fooi dan Law Choo Kiang antara Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang hadir pada bicara akhir kes tersebut.

# Perginya srikandi Pulau Pinang – Toh Puan Goh Sin Yeng

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang kehilangan seorang tokoh wanita dihormati. Pemergian mendiang Toh Puan Goh Sin Yeng pada 29 Mei lalu (sehari selepas tarikh kelahiran suaminya, mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu) amat dirasai dan diratapi oleh rakyat Pulau Pinang.

Mendiang Toh Puan ialah balu kepada mantan Ketua Menteri Pulau Pinang kedua (1969-1990) yang menghembuskan nafas terakhir pada November tahun lalu pada usia 91 tahun.

Menurut anak sulung mendiang, Lim Chien Aun, mendiang menghembuskan nafas terakhir di samping anak-anak sekitar jam 11 pagi di kediaman mereka di Jalan Haji Sudin, Tanjong Bunga di sini.

Chien Aun juga menyatakan bahawa kesihatan ibunya agak merosot rentetan faktor usia mendiang yang telah menjangkau usia 93 tahun.

Mendiang Toh Puan meninggalkan empat cahaya mata, dua lelaki iaitu Lim Chien Aun, Lim Chien Cheng dan dua perempuan, Lim Pao Lin dan Lim Yen Pai beserta empat cucu dan dua cicit.

Dalam pada itu, pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri turut memberi penghormatan terakhir atas pemergian srikandi Pulau Pinang di kediaman mendiang di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama isteri, Betty Chew Gek Cheng; Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus hadir memberi penghormatan terakhir.

Hadir sama, Exco Kesihatan, Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi; Exco Kerja Raya Utiliti, Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng; Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Tambah Guan Eng, mendiang merupakan seorang wanita yang hebat.

"Sebagai tanda penghormatan, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya menyerahkan bendera negeri kepada anak kedua mendiang, Lim Chien Cheng," ujar beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyifatkan mendiang sebagai wanita yang berperwatakan anggun dan berbudi *(grace and dignity)*.

Mendiang Toh Puan disemadikan di Tanah Perkuburan Cina, Batu Gantung di sini.

Salam takziah buat keluarga mendiang Toh Puan daripada Sidang Redaksi Buletin Mutiara.




**DALAM kenangan. Potret mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu dan isteri, Toh Puan Goh Sin Yeng diletakkan bersebelahan.**



**KETUA Menteri mengetuai pucuk pimpinan negeri memberi penghormatan terakhir kepada mendiang. *Gambar : ALISSALA THIAN***

**SINDIR MUTIARA**

Oleh: **SAM**



# KM harungi air banjir demi rakyat



KETUA Menteri ditemani Jagdeep Singh (kanan, depan sekali), Exco-exco Kerajaan Negeri dan Farizan Darus meredah air banjir untuk melawat mangsa-mangsa kejadian di Jalan P. Ramlee di sini baru-baru ini.

**DATOK KERAMAT –** Demi rakyat, Ketua Menteri telah membatalkan mesyuarat penting pada saat-saat akhir untuk turun padang sendiri bagi menyelami kesusahan mangsa-mangsa banjir kilat di Jalan P. Ramlee di sini baru-baru ini.

Selain lawatan dari rumah ke rumah, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang ditemani Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh turut menyampaikan barangan makanan kepada mangsa-mangsa terlibat tanpa mengira latar belakang, agama, jantina dan fahaman politik.

Sebanyak 2,200 nasi bungkus telah diedarkan kepada mangsa-mangsa kejadian pada hari tersebut oleh pihak-pihak berkenaan termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) tempatan.

Turut serta adalah Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan



JAGDEEP Singh (tengah) menunjukkan artikel dalam akhbar berbahasa Cina yang dipercayai membuat kenyataan tidak benar berhubung penyampaian bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di sini.

Tebatan Banjir. Law Choo Kiang, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Ar. Patahiyah Ismail.

Kata Guan Eng, hujan lebat yang berterusan selama semalaman telah menyebabkan perkampungan di kawasan rendah sekitar Jalan P. Ramlee ditenggelami air.

"Banjir tersebut adalah yang paling serius sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memerintah negeri Pulau Pinang.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang dapat dilaksanakan dengan kadar segera bagi mengelakkan berulangnya banjir yang serius begini sehingga membebankan rakyat," katanya pada sesi turun padang ke kawasan dilanda banjir di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Jagdeep berkata, berbeza dengan kerajaan memerintah sebelum ini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mengambil tindakan dan beberapa inisiatif secara berterusan untuk mengelak kejadian tersebut daripada berulang.

"Kita (kerajaan) tidak patut bertindak dengan hanya 'membiasakan' penduduk dengan keadaan sebegini sebagaimana dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini. Sebaliknya, bertanggungjawab dan mengambil tindakan kerana banjir adalah kejadian yang tidak normal dan boleh diatasi," tegasnya dalam satu sidang media beberapa hari selepas kejadian tersebut di sini baru-baru ini.

Jagdeep memberitahu, antara insiatif yang dijalankan ialah melebar dan mendalamkan Sungai Pinang di bawah RTB Fasa 2 yang dipercayai merupakan penyelesaian kepada masalah banjir di kawasan ini.

Dalam pada itu, beliau turut mengulas berhubung kenyataan seorang kolumnis akhbar perdana berbahasa Cina, Sin Chew Daily pada 12 Jun lalu bahawa bantuan makanan tidak disampaikan kepada penduduk yang merupakan penyokong UMNO.

"Saya tak rasa Ms. Lok (Lok Chew Nee, kolumnis berkenaan) berada di sana (lokasi). Saya bersama Ketua Menteri. Kita ke sana (Jalan P. Ramlee) untuk tengok masalah. Kita hantar pasukan penuh dan tidak abai mana-mana pihak.

"Rumah Puteri UMNO, JKKK P. Ramlee pergi sana dan bagi nasi. Kat DUN (Dewan Undangan Negeri) saya, pasukan saya, tak kira warna kulit, agama, latar belakang politik, kami tak pilih bulu," tegasnya.

# "Kereta saya sudah 17 tahun" - Guan Eng

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TASEK GELUGOR -** "Saya tak pernah bida nombor (plat) kereta tapi saya pakai kereta saya sudah 17 tahun, ada orang pakai kereta selama 17 tahun."

Demikian kata Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng semasa diminta mengulas mengenai Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang didedah berjaya membida nombor pendaftaran kenderaan 'istimewa' WWW15 dengan harga RM24,200 baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sumbangan Program Anak Emas dan Fakir Miskin Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di Dewan Mohammad Muhd. Taib, di sini.

Exco Kerajaan Tempatan dan




AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Lydia Ong Kok Fooi (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang bayi Program Penghargaan Anak Emas Peringkat Seberang Perai Tengah.

Pengurusan Lalulistas, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Phee Boon Poh (Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Ng Wei Aik (Setiausaha Politik kepada




TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kiri sekali) mencuit anak emas yang didukung Ketua Menteri pada majlis penyampaian di Penanti di sini.

Ketua Menteri), Jusni Ismail (Pegawai Daerah dan Tanah SPU), Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Arshad Salleh (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang Berangan) turut hadir pada majlis tersebut.

Bagi Guan Eng, amalan membida nombor 'istimewa' dengan wang mencecah puluhan ribu ringgit sebagaimana yang dikaitkan dengan Tong Lai, Timbalan Presiden MCA itu adalah tidak wajar semasa rata-rata rakyat di tanah air ini masih mengaku dibeban oleh kos hidup yang tinggi.

Difahamkan, Tiong Lai kemudiannya mengaku pula tidak pernah membida nombor lalu melepaskan nombor 'istimewa' itu selepas dipertikai oleh banyak pihak.

# Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat sentiasa adil kepada semua.

## Pemilik Restoran DOREMI, Johar Ismail :

- Mohon maaf kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri kerana publisiti negatif .
- Kesal dengan kesempatan yang diambil orang-orang dan organisasi tertentu sehingga beri publisiti negatif kepada Kerajaan Negeri.
- Ucap terima kasih di atas sumbangan RM20,000 Kerajaan Negeri.

21 Mac 2012

Johar Bin Ismail
D-5-1 Fasa 2, Flat Uda
Tanjung Tokong
10470 Pulau Pinang
K/p : 760120-07-[redacted]

YAB TUAN LIM GUAN ENG
Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

YAB,

PER: PENYELESAIAN MASALAH GERAI DOREMI

Saya seperti nama dan alamat di atas mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan YAB Ketua Menteri dan YB Dato' Timbalan Ketua Menteri 1 sebanyak RM20 ribu dan juga bantuan dan nasihat daripada YB Haji Abdul Malik kepada saya berhubung dengan persetujuan saya mengosongkan premis restoran 'DOREMI'. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menawarkan seunit gerai di kompleks gerai Bayu Senja di Batu Feringghi tetapi malangnya perniagaan restoran saya tidak sesuai dengan tapak gerai di kompleks itu.

Saya juga merasa kesal atas publisiti negatif yang telah diadakan dan ini telah diambil kesempatan oleh orang-orang dan organisasi tertentu.

Saya juga memohon maaf kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas publisiti negatif dan kejadian-kejadian yang tidak diingini yang telah berlaku akibat tindakan di atas kerja penguatkuasaan terhadap premis restoran yang lalu.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas keprihatinan yang diberi terhadap masalah saya dan keluarga saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.................................
( Johar Bin Ismail )
K/P : 760120-07-[redacted]
Akaun No : [redacted]
Nama Bank : [redacted]



PENGERUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) bersama Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bersalaman dengan Johar Ismail yang kesal dengan publisiti negatif babitkan Kerajaan Negeri.

**Rakyat Pulau Pinang jangan sesekali percaya fitnah-fitnah jahat yang dapat memecah-belahkan keharmonian negeri.**

# Hak 300 keluarga asal Rumah Hijau mesti diutamakan




**PENGERUSI Persatuan Penduduk Rumah Hijau Mak Mandin, Sim Siang Kuang (berbaju merah) bersalaman dengan Lim Guan Eng selepas selesai perbincangan dua hala dengan penduduk setempat.**

**BUTTERWORTH** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinan Pakatan Rakyat (PR) menyokong penuh hasrat kerajaan pusat yang diterajui oleh Barisan Nasional (BN) untuk membeli tanah serta mengeluarkan peruntukan bagi membina rumah pangsa berdekatan tapak Rumah Hijau Mak Mandin, di sini.

Ketua Menterinya, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, kerajaan pusat mestilah membina rumah pangsa untuk kesemua penduduk asal berkenaan berjumlah lebih 300 keluarga, bukan untuk 70 keluarga sahaja yang masih hidup terpinggir di atas tanah diswastakan sendiri oleh BN semasa menjadi Kerajaan Negeri, sebelum tahun 2008.

Syarat Guan Eng itu dikemukakan dalam satu surat rasmi bertarikh 21 Jun lepas kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menjelaskan, sebahagian besar keluarga asal Rumah Mak Mandin telahpun berpindah ke Rumah Pangsa Mampu Milik di Ampang Jajar sungguhpun dalam kalangan mereka ada yang berhasrat untuk berpindah ke kediaman lebih dekat dengan tapak Rumah Hijau Mak Mandin.

Justeru katanya, mereka yang berkenaan wajar diberi pilihan sama ada mahu kekal tinggal di Ampang Jajar atau berpindah kembali ke rumah baru berdekatan dengan Rumah Hijau Mak Mandin.

"Saya percaya Persatuan Penduduk Rumah Hijau Bagan, Mak Mandin juga tidak akan menentang cadangan keluarga asal Rumah Hijau yang sudah berpindah ke Rumah Pangsa Ampang Jajar agar diberikan pilihan untuk berpindah balik.

"Atas prinsip keadilan dan layanan sama rata ini, Kerajaan Negeri bertegas bahawa kos pembiayaan oleh pihak Kerajaan Persekutuan harus merangkumi kesemua lebih 300 buah keluarga setinggan yang telah dipinggirkan ekoran penswastaan tanah oleh Kerajaan BN lama sebelum 2008.

"Adalah tidak patut rumah pangsa disediakan untuk hanya 70 buah keluarga dan bukan keseluruhan lebih 300 keluarga itu dan inilah sebabnya kira-kira 350 unit perlu dibina," ujar beliau.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri berharap kementerian komited dalam membetulkan kesilapan BN semasa memerintah Pulau Pinang demi kepentingan rakyat, bukannya janji kosong sempena Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

"Kerajaan Negeri ingin mengulangi persetujuan (dan bukannya untuk dipertimbangkan) untuk menyediakan sebidang tanah bagi menampung pembinaan 350 unit rumah pangsa sama ada bersebelahan atau bertentangan dengan tapak rumah hijau yang sedia ada.

"Tanah ini juga boleh dibeli oleh pihak kerajaan persekutuan. Kami akan mengenalpasti tanah dan butiran terperinci tanah tersebut akan dihantar kepada pihak YB (Chee Heung) dalam masa seminggu hingga 10 hari lagi.

"Diharapkan pihak Kementerian Yang Berhormat (Chee Heung) boleh memulakan dengan serta-merta proses menukarkan pertimbangan wang peruntukan di dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP-3) Rancangan Malaysia Ke-10 kepada satu komitmen persetujuan geran wang secara langsung untuk membina rumah pangsa tersebut.

"Komitmen geran secara hitam putih (bertulis) adalah perlu demi mengelakkan persepsi negatif dan kerisauan penduduk bahawa pertimbangan wang peruntukan di bawah RP-3 hanya janji kosong yang akan dilupakan selepas pilihanraya besar," tegas beliau.

Terdahulu, Guan Eng serta Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan) dan Phee Boon Poh (Exco Kesihatan, Kebudayaan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) turutkan padang bertemu dengan pertubuhan penduduk serta badan bertindak Rumah Hijau Mak Mandin di Butterworth.

## Internet keperluan asasi rakyat, kata Jeff Ooi



**PARA pengunjung mencuba rangkaian WiFi percuma.**



**KETUA Menteri menampal pelekat WiFi percuma sambil diperhatikan Lim Hock Seng (dua dari kiri) dan Maimunah Mohd. Sharif (bertudung) di Seberang Jaya.**




**SALAH seorang pengunjung memerhatikan sepanduk WiFi percuma Pulau Pinang Fasa 2 di pusat membeli-belah Queenbay Mall.**

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI** - Kemudahan WiFi secara percuma yang diwujudkan di Pulau Pinang sejak tiga tahun lepas adalah ekoran prinsip Kerajaan Negeri yang percaya bahawa internet adalah merupakan keperluan asasi manusia di negeri berkenaan.

Pengerusi *PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.*, Jeff Ooi Chuan Aun baru-baru ini berkata demikian dalam Majlis Pelancaran WiFi Percuma Pulau Pinang Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai.

"Internet juga seperti bahan asasi seperti air, makanan dan udara. Era ini, internet sangat diperlukan oleh rakyat.

"Saya rasa, internet percuma bukan sahaja perlu di Pulau Pinang, tapi di Malaysia kerana dunia serba maklumat sangat diperlukan untuk rakyat," kata beliau di perkarangan Restoran Xing Feng, Taman Inderawasih, di sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy turut berucap pada majlis tersebut.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Maimunah Mohd. Sharif (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut hadir pada majlis berkenaan.

Difahamkan, majlis pelancaran yang sama turut dilangsungkan di beberapa DUN lain sekitar Seberang Perai. Antaranya, Bertam, Sungai Bakap, Berapit, Pematang Pasir, Penanti, Bagan Dalam, Seberang Jaya dan Padang Lalang.

Sebanyak RM8.5 juta diperuntukan oleh Kerajaan Negeri bagi memasang 800 *hotspot* WiFi di semua kawasan DUN Pulau Pinang.

Syarikat telekomunikasi, REDtone Sdn. Bhd. telah diberi tanggungjawab untuk memasang serta menyelenggara kesemua *hotspot* itu dalam tempoh lima tahun.

Itu, tidak termasuk 750 *hotspot* yang dipasang secara percuma oleh REDtone sebelum ini (fasa 1) yang dilancarkan pada tahun 2010.

**PUNCAK PIMPINAN DI BAGAN, SPU.**

# Banjir kilat Jln. Raja Uda dijangka diatasi

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAGAN –** Projek menaiktaraf parit bernilai hampir RM1 juta hasil insiatif Kerajaan Negeri berhampiran Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Kwang Hwa Jalan Raja Uda, di sini dijangka dapat mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan tersebut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika lawatannya berkata, masalah tersebut dikenalpasti berpunca daripada keadaan parit yang hampir roboh dengan struktur dinding konkritnya tidak lagi kukuh.



**KETUA Menteri dibawa melawat kawasan parit yang hampir roboh dan bakal dinaiktaraf Kerajaan Negeri sempena lawatan kerja sehari di kawasan Bagan baru-baru ini di sini. *Gambar : MOHD HAFIZ TAJUDIN***

"Kerajaan Negeri memperuntukkan hampir RM1 juta bagi menaiktaraf parit ini yang hampir roboh dan tidak kukuh hingga menyebabkan sering berlakunya kejadian banjir kilat. Malah, kedudukannya yang berhampiran dengan kantin sekolah turut merbahayakan keselamatan para pelajar di sini.

"Diharap usaha penaiktarafan ini dapat mengurangkan masalah banjir kilat yang dihadapi pihak sekolah dan juga penduduk setempat," ujarnya pada lawatan kerja sehari di kawasan Bagan baru-baru ini di sini.

Dalam pada itu, tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mengurangkan kejadian banjir kilat yang melanda di Pulau Pinang.

"Program mengatasi masalah banjir menjadi perhatian Kerajaan Negeri, masyarakat Pulau Pinang umumnya boleh melihat sendiri apabila berlakunya keadaan hujan lebat, kes banjir amat jarang berlaku kini.

"Ini menunjukkan bagaimana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat komited menangani masalah ini apabila parit diselenggarakan dengan sempurna dan Jalan Raja Uda sepanjang empat hingga lima kilometer turut dilebarkan," ujarnya.

Hadir sama pada lawatan kerja sehari bersama Ketua Menteri ialah Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Jait dan Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail.



**KETUA Menteri sambil ditemani Lim Hock Seng (kiri sekali) menyiram pokok sebagai simbolik projek menaiktaraf parit bernilai RM1 juta.**

## Fiesta Durian kembali

**RAJA BUAH KEMBALI...** Setiap tahun, menjelang bulan Mei hingga Julai, Pulau Pinang menjadi tumpuan penggemar durian.

Kehangatannya bukan sahaja di Balik Pulau, malah, promosi keenakan raja buah tersebut yang hanya bermusim setahun sekali itu meliputi seluruh negeri ini.



**MANSOR Othman (depan, tiga dari kiri) bersama Abd. Halim Hussain (depan, dua dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (depan, empat dari kiri) menunjukkan durian yang terdapat di Fiesta Durian Berjenama Balik Pulau di sini baru-baru ini.**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, walaupun tahun ini pengeluaran durian berkurangan hampir 80 peratus disebabkan cuaca yang tidak menentu, namun, ianya bukan penghalang kepada penggemar untuk menikmatinya setahun sekali.

"Harga durian pada tahun ini mencanak naik apabila jenis durian, *Musang King* atau *Mau Shan Wang* mencecah RM30 sekilogram, manakala *Hor Lor* dan *Ang Heh* dijual RM20 sekilogram.

"Bagaimanapun, nilai jualan tersebut dianggap berbaloi dengan mutu durian yang dinikmati," katanya pada Majlis Perasmian Fiesta Durian Berjenama Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abd. Halim Hussain, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Bersempena itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Pesta Makanan dan Durian 2012 buat kali keempat di Anjung Indah, Balik Pulau manakala di tempat letak kereta pusat membeli-belah, *Quensbay Mall* pula menjadi lokasi Fiesta Durian Berjenama Balik Pulau.




**PASUKAN PPS Pantai Bersih bersama sebuah bot yang diterima sempena Majlis Pelancaran Kegunaan Bot-bot Keselamatan PPS Pantai Bersih baru-baru ini di sini.**

## 1,000 *walkie talkie* baru untuk PPS

**BAGAN –** Sebagai jentera tambahan dalam menghadapi bencana dan demi keselamatan penduduk Pulau Pinang, sebanyak 1,000 *walkie talkie* tambahan (daripada 1,000 sedia ada) telah ditempah Kerajaan Negeri untuk pasukan tersebut di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif tersebut merupakan satu permulaan untuk membantu PPS menjalankan tugas dengan lebih berkesan selepas ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu pastikan Pulau Pinang paling selamat di Malaysia dan ini hanya boleh dilakukan dan dicapai dengan bantuan pihak polis dan juga PPS," ujarnya pada lawatan kerja sehari di kawasan Bagan baru-baru ini di sini.

Bersempena lawatan tersebut, Guan Eng telah melancarkan kegunaan bot-bot keselamatan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Pantai Bersih bagi kepentingan serta keselamatan umum.



**SEBAHAGIAN anggota PPS dan penduduk yang hadir bersempena lawatan kerja sehari Ketua Menteri di kawasan Bagan baru-baru ini di sini.**

PUNCAK PIMPINAN DI TASEK GELUGOR, SPU.

# RM13.7 bilion bajet tambahan pusat mampu dibelanja 18 tahun di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MOHD HAFIZ TAJUDIN**

**TASEK GELUGOR -** Langkah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini membentangkan bil bekalan tambahan sejumlah RM13.8 bilion di Dewan Rakyat untuk dibelanjakan tahun ini dipertikai.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, amalan berhutang secara luar biasa itu akhirnya akan merugikan rakyat.

"Kerajaan pusat telah membuat belanjawan tambahan RM13.7 bilion, bersamaan 18 kali ganda dari bajet (tahunan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Kalau kerajaan berbelanja lebih, bermakna rakyat akan terus menanggung hutang (yang lebih)," ujar beliau semasa berucap di Dewan Mohamad Mohd. Taib, sempena Program Mesra Rakyat Parlimen Tasek Gelugor di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, jumlah hutang negara mencecah hampir 55 peratus dari keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Sekurang-kurangnya RM16,700 wajib ditanggung oleh setiap warganegara jika dinisbah pada keseluruhan populasi rakyat di negara ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman turut berucap pada Majlis Mesra Rakyat Bersama Ketua Menteri itu.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Law Choo Kiang (Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir), Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut hadir pada majlis anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri boleh berbelanja secara berhemat selama 18 tahun dengan jumlah 13.7 bilion itu.

"Dengan jumlah itu (RM13.7 bilion), kita boleh berbelanja 18 kali (tahun)," ujarnya.

Difahamkan, hutang terkumpul kerajaan pusat kira-kira RM556 bilion sekarang sungguhpun RM226 bilion pada tahun 2006.

Manakala, Kerajaan Negeri pada tahun lepas berjaya melepaskan hutang awam sebanyak 95 peratus atau RM655.25 juta menjadi baki hutang terkumpul sekarang berjumlah RM29.66 juta sahaja.

"(Kerajaan Negeri) Pulau Pinang berjaya raih banyak untung kerana kita tak lebih berbelanja dari bajet tahunan kita.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) dapat lebihan kewangan kerana kita berhemat dalam berbelanja sampai boleh menyumbang dalam program-program emas kepada rakyat," ujar beliau.

Warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) di negeri berkenaan yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri menerima sumbangan RM100 tiap-tiap tahun. Itu, tidak termasuk sumbangan *"one-off"* anak baru lahir RM200 bermula sejak tahun lepas.

Terbaru, Kerajaan Negeri sedang berusaha menyalurkan sumbangan RM100 kepada pelajar darjah satu dan empat serta pelajar tingkatan satu dan empat sungguhpun menerima layanan dingin di beberapa sekolah selain Kementerian Pelajaran Malaysia.



**LIM Hock Seng (tiga dari kanan) bersama para pegawai yang turut serta pada sesi lawatan ke Pasar Awam Tasek Gelugor.**

# Pasang '*awning*' pasar awam tingkat selesa rakyat

**TASEK GELUGOR** - Tidak lama lagi, '*awning*' atau bumbung anjung akan dipasang di Pasar Awam Tasek Gelugor bagi mencegah terikan cahaya matahari pada saban pagi dari menerjah masuk ke dalam pasar itu.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sebagai reaksi kepada beberapa rungutan yang diluahkan oleh kebanyakan peniaga setempat semasa lawatan kerja ke pasar basah tersebut baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) akan meminta MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) membuat '*awning*' kerana panas dirasai sampai di dalam (pasar)," ujarnya.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Ir. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP), Mohd. Anuar Hashim (Pegawai Penerangan Pejabat Ketua Menteri), Arshad Md. Saleh (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang Berangan) turut menyertai lawatan kerja Ketua Menteri itu.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng sekali lagi mendesak Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Tan Sri Mohamed Noor Yakcop supaya memberi penjelasan mengenai skandal forex dalam Bank Negara Malaysia (BNM) pada 1992 yang dipercayai melenyapkan kira-kira RM30 bilion wang rakyat.

Kali pertama beliau meluah desakan sedemikian semasa berucap dalam Forum "Skandal Forex Bank Negara: Apabila Kerajaan Menjadi Spekulator" kendalian *Penang Institute* pada 2 Jun lepas.

# Isu hakisan pantai akan dibincang dengan menteri



**SAIFUL Lizan Sanusi (lima dari kanan) sedang memberikan penjelasan menangani fenomena hakisan di Pantai Bagan Belat kepada Ketua Menteri sambil diperhati Jusni Ismail (kanan sekali) dan Rozali Mohamud (kiri sekali).**

**TELOK AYER TAWAR -** Isu hakisan Pantai Bagan Belat, di sini yang nyata membahayakan rakyat setempat akan dikemukakan kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas secepat mungkin.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sambil mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyiapkan syor bagi menangani fenomena hakisan pantai berkenaan.

"Saya telah meminta pihak JPS mengemukakan draf laporan untuk saya panjangkan kepada menteri bagi mendapat bajet daripada (kerajaan) pusat.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) ikutlah cadangan yang dibuat oleh syor JPS untuk selesai isu hakisan tanah dan pastikan rakyat setempat benar-benar selamat," ujar beliau baru-baru ini selepas melawat kawasan pantai berkenaan sempena Program Mesra Rakyat Parlimen Tasek Gelugor di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas), Jusni Ismail (Pegawai Tanah dan Daerah Daerah Seberang Perai Utara, SPU), Ir. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP), Salehin Mohamed (Pegawai Penyelaras Kawasan DUN Telok Ayer Tawar) turut hadir dalam lawatan kerja berkenaan.

Sebelum pada itu, Jurutera JPS bagi Daerah SPU, Saiful Lizan Sanusi memaklumkan, 1.2 kilometer persisiran pantai berkenaan menerima hakisan yang ketara kebelakangan ini sehingga jarak salah sebuah warung kedai setempat dengan laut adalah kira-kira 10 kaki sahaja.

Beliau berkata, syor mendirikan tebatan batu bagi mencegah hakisan pantai merupakan salah satu opsyen yang sedang dinilai oleh JPS.

Dalam perkembangan berkaitan, peniaga warung berkenaan, Saidin Khamis, 50, turut melahirkan rasa bimbang dengan fenomena hakisan pantai tersebut.

"Sebelum tsunami lapan tahun lepas, lebih 3 meter hujung pantai dengan warung ini.

"Selain tsunami, paling teruk air naik pada tahun 1992. Saya harap Ketua Menteri tengok-tengok tempat ini yang dikatakan bahaya pada waktu air pasang," ujarnya.

PUCUK PIMPINAN DI KEPALA BATAS, SPU.

# KM & pucuk pimpinan PR mesra rakyat



KETUA Menteri menyampaikan sumbangan cek bernilai RM5,000 kepada Asrul Wadi Ahmad yang cedera di mata kanannya akibat terkena kanister gas pemedih mata semasa perhimpunan 'Duduk Bantah Bersih 3.0' di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**PINANG TUNGGAL –** Baru-baru ini Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama-sama delegasi kepimpinan Kerajaan Negeri telah mengadakan lawatan rasmi bagi mendekati masyarakat desa di beberapa kawasan sekitar Parlimen Kepala Batas.

Beliau yang meluangkan masa sehari suntuk turut beramah mesra dengan masyarakat setempat dan mengikuti program-program yang telah diatur oleh Pejabat Tanah dan Daerah, Daerah Seberang Perai Utara (PDTSPU) dengan kerjasama pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Parlimen Kepala Batas dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

Kunjungan beliau dan delegasi ke pasar pagi di Kampung Selamat meraih perhatian penduduk sekitar termasuk para pengunjung pasar pagi tersebut.

Jelas kelihatan para peniaga yang berkesempatan menyalami beliau teruja dan terkedu. Ada di antara peniaga yang tidak percaya dan menyatakan belum pernah ada Ketua Menteri yang datang melawat gerai makan dan pasar pagi di kawasan mereka.

Malah, beliau turut meluangkan masa bersama penduduk dan ahli JKKK Kampung Selamat berhubung permohonan penyelenggaraan semula taman permainan kanak-kanak yang telah terbiar sejak 20 tahun lalu.

Beliau kemudiannya ke Kampung Sungai Korok dan melengkapkan jelajah pelancaran *Penang Free WiFi* Fasa 2. Di sana, Guan Eng menzahirkan ucapan terima kasih kepada penganjur dan penduduk yang hadir memberi sokongan terhadap usaha Kerajaan Negeri menyediakan perkhidmatan WiFi percuma.

"Sebuah bandar pintar mestilah mempunyai kepintaran digital. (*An intelligent city must posses its digital intelligence*).

"Sekali lagi Pulau Pinang memimpin dengan muncul sebagai negeri pertama di Malaysia memberikan perkhidmatan WiFi percuma untuk dinikmati semua.

"Kerajaan PR Pulau Pinang untuk semua, *Penang Free WiFi* untuk semua," laung Guan Eng di hadapan kira-kira 200 penduduk yang hadir.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Exco Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait; Pegawai Daerah PDTSPU, Jusni Ismail, PPK Pinang Tunggal, Muhasdey Mohamad; PPK Penaga, Rosidi Hussain dan PPK Bertam, Asrol Sani Abdul Razak.




LAW Choo Kiang sempat beramah-mesra dengan sekumpulan kanak-kanak pada lawatan ke pasar pagi Kampung Selamat.



MANSOR Othman (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan cek zakat kepada asnaf sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan), Farizan Darus (kanan sekali) dan Rosidi Hussain (empat dari kanan).

## Sistem parit Kg. Datok distruktur semula

**BERTAM –** Penstrukturan semula sistem peparitan di Kampung Datok di sini bakal menyelesaikan masalah limpahan air yang acapkali berlaku terutama ketika musim hujan.

Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Utara (JPSSPU), Saiful Rizan Sanusi berkata, ekoran masalah yang dihadapi, pihaknya akan memohon Jabatan Kerja Raya Negeri untuk menstruktur semula parit di sini.

"Kawasan di sini rendah dan sistem aliran air juga tidak memuaskan dan lancar.

"Takungan air terutama di hadapan Balai Polis Trafik Kepala Batas kini jadi tempat pembiakan nyamuk, justeru, kita akan mohon agar tindakan penstrukturan semula diambil bagi kesenangan penduduk di sini," jelasnya kepada Ketua Menteri sempena Program Mesra Rakyat di Kepala Batas di sini baru-baru ini.

Selain delegasi Ketua Menteri dan pimpinan negeri, turut serta dalam lawatan rasmi tersebut adalah Ketua Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, Hakmal Effendi Ishak; Penghulu-penghulu Daerah dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika ditemui ternyata berpuas hati dengan penerimaan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri.

"Saya berpuas hati dan gembira dengan sokongan yang diberikan oleh penduduk di Parlimen Kepala Batas.

"Penerimaan dan kerjasama mereka kini lebih utuh dan lebih meyakinkan," ujar Guan Eng di akhir lawatan beliau ke Parlimen Kepala Batas baru-baru ini.

## Jangan mudah melatah dengan laporan akhbar

**PENAGA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan warga Pulau Pinang khususnya penduduk desa agar tidak mudah melatah dengan laporan sesetengah akhbar arus perdana yang suka memutar belit fakta dan menabur fitnah ke atas pentadbiran Kerajaan Negeri.

Jelas beliau, laporan sedemikian bersifat berat sebelah dan menghukum bukan sahaja pentadbiran Kerajaan Negeri, malah, rakyat Pulau Pinang amnya.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah ada satu dasar yang jelas (dalam pentadbiran).

"Kita harap rakyat pun tahu apa yang benar apa yang salah, tidak mudah tertipu, ada banyak fitnah dilemparkan," ujar Guan Eng ketika merasmikan Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Lesen Menduduki Sementara (TOL) kepada 18 penerima dan penyampaian cek-cek zakat kepada asnaf berserta sumbangan hamper kepada fakir miskin di sini.

Guan Eng menyatakan bahawa setelah Pakatan Rakyat (PR) memegang tampuk pemerintahan negeri Pulau Pinang, banyak yang telah dilakukan antaranya program-program berkebajikan dan bantuan kepada rakyat.

"Kita (Kerajaan Negeri) tetap akan beri (bantuan) berdasarkan keperluan kepada rakyat dan tidak akan menghukum rakyat semata-mata untuk kepentingan diri," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut berterima kasih kepada Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain kerana sering mengadakan program-program penerangan dan kemasyarakatan bersama masyarakat desa di sini.

Serentak itu, Guan Eng turut merasmikan penubuhan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga di sini.

Kerajaan Negeri telah mensasarkan enam unit PPS ditubuhkan bagi setiap kawasan DUN bagi memastikan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang selamat untuk didiami.

# Jaga ekuiti rakyat, batal swasta Pelabuhan P. Pinang




**CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan), Ketua Menteri, Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Ahli Dewan Undangan Negeri ketika melancarkan sesawang petisyen *online* bagi menjayakan kempen mengembalikan semula Pulau Pinang sebagai status Pelabuhan Bebas di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas, Chow Kon Yeow menasihatkan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow supaya segera membatalkan hasrat kerajaan pusat untuk menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang.

Chang Yeow dinasihat sedemikian ekoran keghairahannya berbincang kosong mengenai cadangan menjadikan pelabuhan tersebut sebagai 'Status Pelabuhan Bebas'.

"Pemimpin-pemimpin BN ini lebih berminat bercakap mengenai idea-idea sahaja seperti Kompleks CIQ (Kastam, Imigresen dan Kuarantin).

"Cadang 'Status Pelabuhan bebas' sampai sekarang masih menjadi cadangan sahaja, sedangkan isu yang lebih kritikal adalah penswastaan pelabuhan," katanya baru-baru ini di sini.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong turut mempertikai dalih Chang Yeow untuk merealisasikan 'Status Pelabuhan Bebas' di Pelabuhan Pulau Pinang selepas pilihan raya umum ke-13.

"Perkara (bidang kuasa) pelabuhan ini adalah bidang kuasa pusat. Kalau nak buat sekarang pun, BN boleh buat kerana mereka kerajaan pusat.

"Tak perlu tunggu mereka kembali menguasai Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kami (Kerajaan Negeri) pun jelas pendirian iaitu mahu menghentikan cadangan penswastaan ini," ujarnya.

Menurut beliau, sekiranya proses penswastaan pelabuhan tersebut sempurna kepada syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. yang dikuasai oleh jutawan industri, Tan Sri Syed Mokhtar Shah Syed Nor Al-Bukhary, bermakna halatuju pembangunan pelabuhan itu mungkin tidak mengambil kira kepentingan rakyat serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ini kerana katanya, Pulau Pinang tidak lagi menguasai ekuiti serta kepentingan dalam urusan pelabuhan komersial itu.

"Contoh dalam ekuiti di Pulau Jerejak sungguhpun PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) mempunyai 49 peratus kepentingan, ia tetap tidak ada kuasa. UDA yang mempunyai pemilikan 51 peratus, bermakna dia mempunyai kuasa ke atas pulau itu," ujarnya.

---

# Bukit Bendera 'tidak mati'



**ANTARA persembahan Majlis Kebudayaan Negeri yang menghiasi Majlis Perasmian Astaka Bukit Bendera dari Majlis Kebudayaan Negeri.**



**PEMANDANGAN astaka Bukit Bendera.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BUKIT BENDERA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru supaya 'pihak' yang menyatakan bahawa Bukit Bendera sudah menjadi tempat pelancongan 'mati' supaya datang dan lihat sendiri pembaharuan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) di sini.

Beliau berkata demikian pada ucaptama Majlis Perasmian Astaka Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

"Saya menyeru supaya individu yang mengatakan (bahawa) Bukit Bendera sudah 'mati' supaya datang sendiri dan lihat. Banyak pembaharuan yang telah kita lakukan untuk memberi nafas baru sebagai nilai pelancongan di Bukit Bendera. Jangan hanya pandai cakap sahaja," nyata beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyatakan perasaan bangga beliau apabila sepanjang tempoh pemerintahan kerajaan PR di sini (Pulau Pinang), kedudukan Pulau Pinang sebagai bandar terbaik untuk diduduki di Asia telah meningkat dan semakin dikenali umum.

"Pulau Pinang telah berjaya menduduki tempat ke-8 pada tahun lalu sebagai antara bandar yang terbaik untuk didiami di Asia. Pengiktirafan tersebut termasuk antara pulau yang wajib dikunjungi di dunia dan buat pertama kalinya kita (Pulau Pinang) mendahului kedudukan Kuala Lumpur," ujarnya.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut adalah Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik, dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ar. Patahiyah Ismail.

Struktur astaka tiga tingkat bernilai RM4.5 juta tersebut bukan hanya menjadi ikon baru di Bukit Bendera, malah, ia turut memberi keselesaan kepada peniaga-peniaga di sini. Pada masa sama, ikon baru terbabit turut dilengkapkan dengan Muzium Burung Hantu di tingkat bawah yang mana merupakan yang pertama di rantau Asia Tenggara.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# SISTEM e-PINJAMAN PENUNTUT



## PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**Peringatan !**
**Unit Pinjaman Penuntut/Biasiswa tidak melantik mana-mana agen untuk mengutip atau memberi bayaran. Sebarang urusan hendaklah melalui Unit Pinjaman Penuntut, Tingkat 29, KOMTAR.**

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Pemohon dilahirkan di Pulau Pinang atau sekurang-kurangnya bersekolah selama 5 tahun di Pulau Pinang.
- Ditawarkan tempat di Universiti / Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi pemohon dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta, kursus yang diikuti hendaklah diluluskan oleh MQA (Malaysian Qualification Agency /Agensi Kelayakan Malaysia).
- Pinjaman untuk kursus yang bertaraf Sijil, Diploma, Diploma PJJ, Ijazah Pertama, Ijazah PJJ, Sarjana dan PHD.
- Pemohon yang sedang mengikuti kursus PraUniversiti / Matrikulasi tidak layak memohon.
- Pinjaman Kali Ke-2 hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah menyelesaikan bayaran balik pinjaman pertama.
- Permohonan adalah secara online.
- Sila lampirkan dokumen-dokumen yang telah **DISAHKAN BENAR** seperti berikut : :
  1. Salinan Kad Pengenalan dan Surat Beranak/Sijil Kelahiran
  2. Salinan Surat Tawaran Kemasukan Dari Universiti/Institusi
  3. Salinan Sijil Berhenti Sekolah, dan Surat Akaun (Testimonia)
  4. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) dan lain-lain sijil yang setaraf
  5. Salinan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan lain-lain sijil yang setaraf (Jika Ada)
  6. Salinan Sijl Politeknik/Diploma/Ijazah dan sebagainya (Jika Ada)
  7. Salinan Keputusan Matrikulasi/Asasi Sains (Jika Ada)
  8. Salinan Keputusan Peperiksaan bagi Tiap-tiap Tahun Akademik Penggal/Semester (Jika Ada)
  9. Pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan kolej dan kursus yang dikeluarkan MQA (Malaysia Qualification Agency/Agensi Kelayakan Malaysia). (salinan tersebut boleh diperolehi dari IPTS berkenaan)
- Jumlah pinjaman yang ditawarkan mengikut taraf kursus:

| | |
|---|---|
| Ijazah Sains | RM 5,000 setahun |
| Ijazah Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sains | RM 5,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma | RM 3,000 setahun |
| Sijil | RM 2,000 setahun |

- Pinjaman juga diberikan kepada Pelajar Pengajian Jarak Jauh dan Luar Kampus dengan kadar:

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Ijazah (Sains) | RM 4,500 | 5 tahun |
| Ijazah (Sastera) | RM 3,500 | 4 tahun |
| Diploma | RM 2,000 | 3 tahun |

- Pinjaman kepada pengajian peringkat Sarjana dan PhD (pengajian dalam negeri sahaja):

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Sarjana | RM 5,000 | 3 tahun |
| PHD | RM 5,000 | 3 tahun |

- Faedah yang dikenakan 2% (setahun) selama 5 tahun
- Dua(2) Orang Penjamin Bergaji RM1,000 ke atas diperlukan apabila Surat Perjanjian ditandatangani.
- Permohonan boleh dibuat secara *Online* di Laman Web berikut : http://epp.penang.gov.my
- Tarikh Buka Permohonan: 2 Mei, setiap tahun.
- Tarikh Tutup Permohonan: 31 Julai, setiap tahun
- Sila pastikan anda mengisi permohonan pinjaman dalam tempoh 3 hari selepas pendaftaran. Kemaskini borang adalah **3 HARI** dari tarikh pendaftaran dibuat. Sila **CETAK** borang permohonan yang telah diisi beserta dokumen-dokumen berkenaan yang telah **DISAHKAN** dan dihantar dalam tempoh **2 MINGGU** dari tarikh permohonan dihantar secara online ke alamat berikut:

**LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT**
**NEGERI PULAU PINANG,**
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,**
**PARAS 29, KOMTAR,**
**10503 PULAU PINANG**

# HBPP antara hospital terbaik di Malaysia – Guan Eng



ABDUL Malik Abul Kassim ditemani doktor bertugas mengadakan lawatan khas mangsa kemalangan bas yang ditempatkan di HBPP di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** "Di atas rasa prihatin kepada mereka yang terlibat dalam kemalangan bas terbalik di Balik Pulau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedaya yang mampu akan menolong apa yang patut," kata Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Beliau berkata demikian ketika melawat mangsa di Hospital Besar Pulau Pinang (HBPP). Mangsa adalah terdiri daripada sekumpulan 44 orang jemaah tabligh dari Myanmar.

Abdul Malik berkata, apa yang lebih mustahak adalah kesihatan mangsa-mangsa tersebut.



KETUA Menteri, Phee Boon Poh ( dua dari kanan) dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang, Koid Teng Guan (kanan sekali) melawat dan bertanyakan khabar mangsa kemalangan.

"Seramai sembilan mangsa dimasukkan ke sini (HBPP). Seorang daripadanya telah meninggal dunia. Selebihnya berada di dalam keadaan stabil.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan cuba pastikan mereka (mangsa kemalangan) menerima perkhidmatan yang sebaiknya hingga pulih. Walaupun sumbangan makanan yang diberikan (oleh Kerajaan Negeri) tidaklah seberapa, namun, saya berharap ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung mangsa," ujarnya pada sesi lawatan itu di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh turut mengunjungi mangsa sejurus selepas mangsa dimasukkan ke HBPP.

Guan Eng berkata, beliau yakin mangsa akan sembuh sepenuhnya secepat yang mungkin.
"Malah, kerajaan PR juga tidak mengabaikan rakyat. Kita (PR) telah menolak projek nadir bumi dan nuklear bagi memastikan generasi masa hadapan dapat tinggal di atas bumi yang bersih, hijau, selamat dan sihat," katanya dalam ucaptama Majlis Perasmian Fiesta Hijau di sini baru-baru ini.

Hadir sama adalah Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Pengerusi Program *Penang Green Citizenship,* Ng Wei Aik.

Selaras dengan tema penganjuran Tari Alam Sekitar Dunia 2012 iaitu 'Ekonomi Hijau', Guan Eng menegaskan bahawa Pulau Pinang turut menitikberatkan penganjuran pembangunan yang seiring dengan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

"Ekonomi hijau begitu penting kerana apabila pembangunan dilakukan tanpa terkawal, kebarangkalian kemusnahan alam semulajadi pasti hampir terjadi," ujar beliau.

Bersempena majlis tersebut, pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan tarian kebudayaan. Pada masa sama, beberapa syarikat dan individu turut diberikan penghargaan oleh Kerajaan Negeri ekoran sumbangan dalam menjayakan penganjuran berkenaan.


PHEE Boon Poh (kiri sekali) sambil ditemani Ketua Menteri menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta pertandingan bersempena Majlis Perasmian Fiesta Hijau di sini baru-baru ini.



PHEE Boon Poh (lima dari kanan) bersama-sama sukarelawan mempamerkan kain rentang kempen Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2012 di sini baru-baru ini.

## P. Pinang mahu kompaun RM300 di kawasan larangan rokok

**GEORGE TOWN** - Hak mengeluarkan kompaun sehingga RM300 kepada mereka yang merokok di kawasan larangan dimohon oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2012 baru-baru ini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) setakat ini dibenarkan mengeluarkan notis denda maksimum RM500 untuk mereka yang membuang sampah hatta puntung rokok di kawasan awam.

Justeru katanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kesihatan untuk membenarkan penguatkuasaan PBT di kawasan-kawasan yang telahpun diwartakan larangan merokok.

"Kerajaan Negeri akan cuba membawa cadangan (kepada) Kementerian Kesihatan supaya penguatkuasaan majlis (PBT) boleh dilakukan di kawasan-kawasan larangan ini," ujar beliau di Plaza Gurney, di sini.

Doktor Kesihatan Awam dari Hospital Adventist Pulau Pinang, Dr. Edward Nathan turut menyampaikan ucapan mengenai bahaya budaya merokok kepada hadirin.

Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu menjelaskan, hampir enam juta penduduk dunia saban tahun dikesan meninggal dunia akibat budaya merokok.

Dari angka itu, beliau berkata, lebih 600,000 yang merupakan bukan perokok tetapi terdedah pada asap rokok.

Tuntas dari itu, Boon Poh menyeru semua pihak menyokong kempen 'Dunia Tanpa Tembakau sebagaimana yang disemarakkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke arah merealisasikan kempen 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat' di negeri berkenaan.

## P. Pinang dahului projek *e-waste*

**GEORGE TOWN** – Sebagai salah satu inisiatif dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar, Pulau Pinang muncul sebagai negeri pertama dalam negara mengimplementasikan sistem pengumpulan sisa barangan elektrik dan elektronik isi rumah (*e-waste*).

Menurut Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, pelaksanaan projek *e-waste* adalah langkah terbaik dalam mengurus dan melupuskan barang-barang elektrik dan elektronik.

"Pelupusan sisa buangan elektrik dan elektronik isi rumah memerlukan satu sistem pengurusan bagi mengumpul dan melupuskannya. Jika tidak berhati-hati, sisa buangan tersebut boleh mengancam sistem alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat.

"Berbanding sisa buangan industri yang mudah untuk dilupuskan memandangkan setiap industri mempunyai syarikat-syarikat tertentu berhubung pengurusannya," ujarnya pada Majlis Pelancaran Program Pelaksanaan Pengumpulan Sisa Buangan Elektrik dan Elektronik (*E-Waste*) di sini baru-baru ini.

Projek perintis yang dikenali sebagai 'Model Pembangunan untuk Pengumpulan, Pengasingan dan Pengangkutan *E-Waste* Isi Rumah Bagi Kitar Semula' atau '*Penang E-Waste Project*' dibiayai oleh *Japan International Cooperation Agency* (JICA) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang.

Hadir sama, Konsul Jeneral Jepun, Tetsuro Kai; Exco Kesihatan, Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Yang diPertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu dan Pengurus Projek Penang *E-Waste,* Hideki Wada.

Tambah Kon Yeow, jumlah *e-waste* di Pulau Pinang adalah melebihi 13,000 tan setahun dan angka tersebut terus meningkat saban tahun.

"Oleh demikian, sejumlah 153 pusat fasiliti (128 pusat pemulihgunaan separa dan 25 pemulihgunaan sepenuh) telah diwujudkan di Pulau Pinang, menjadikan Pulau Pinang mempunyai pusat fasiliti terbanyak di Malaysia," jelas beliau.

Untuk sebarang maklumat lanjut sila layari laman sesawang *http://www.facebook.com/ewaste.Penang atau http://weeepenang.blogspot.com/*.


TETSURO Kai (dua dari kiri), Chow Kon Yeow (kanan sekali), Phee Boon Poh (dua dari kanan) dan Ar. Patahiyah Ismail (tiga dari kanan) meninjau salah sebuah gerai di tapak pameran bersempena Majlis Pelancaran Program Pelaksanaan Pengumpulan Sisa Buangan Elektrik dan Elektronik (*E-Waste*) di sini baru-baru ini.

# FEC mantapkan penggunaan Bahasa Inggeris




**PARA peserta dan jawatankuasa penganjur FEC bergambar bersama para tetamu khas dan fasilitator di sini baru-baru ini.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BALIK PULAU –** Penganjuran kali kedua *Fun English Camp* (FEC) yang bertujuan mengasah kebolehan bertutur dengan penggunaan tatabahasa betul dalam Bahasa Inggeris telah berjaya memperoleh sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 70 pelajar tingkatan 1 di sini baru-baru ini.

Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara, Betty Chew Gek Cheng berkata, penganjuran FEC kali kedua umpamanya ingin membuka peluang kepada pelajar desa untuk mahir dalam berbahasa dan mendedahkan mereka tentang kepentingan penggunaan Bahasa Inggeris.

"Matlamat penganjuran adalah untuk berkongsi dengan anak-anak desa bahawa mempelajari Bahasa Inggeris bukanlah susah, sebaliknya, ianya senang dan menyeronokkan.

"Pelajar yang menyertai FEC bukan sahaja dapat belajar penggunaan tatabahasa, malah, juga dapat meningkatkan keyakinan diri untuk menutur dalam bahasa Inggeris," katanya ketika merasmikan FEC di Dewan Komuniti MPPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama memberi sokongan pada FEC kali kedua ini ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan isteri Timbalan Ketua Menteri I, Datin Aishah Zainul.

Tambah beliau, hanya dengan yuran penyertaan RM10, para pelajar didedahkan dengan pelbagai aktiviti antaranya Kemahiran Pembacaan & Penulisan, Pembinaan & Penggunaan Tatabahasa, Kemahiran Pemikiran Kritis, Kemahiran dan Persediaan Pembentangan dan *Choral Speaking*.

Dalam pada itu, Ketua Fasilitator FEC, Noraini Abu Bakar berkata, penganjuran FEC yang turut mendapat sokongan *Penang English Language Teacher's Association* (PELLTA) tersebut merupakan inisiatif Pertubuhan Wanita Mutiara dalam menjadikan pembelajaran lebih mudah, menarik dan menyeronokkan.

"Kita cuba untuk merapatkan jurang peluang yang wujud antara pelajar di desa dengan pelajar di bandar.

"Pelajar di bandar mempunyai kelas intensif setiap minggu, manakala bagi pelajar desa, ia adalah sukar untuk mereka menyertai mana-mana kelas tambahan dan pengukuhan berbahasa," ujar Noraini.

## P. Pinang lahir jaguh kasut roda dunia - Lydia

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**LYDIA Ong Kok Fooi (depan, lima dari kanan) dan Ar. Patahiyah Ismail (depan, empat dari kanan) bersama para peserta menunjukkan tanda bagus bersempena penganjuran Penang Freestyle Skating Competition 2012 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Penganjuran sulung sukan lasak, *Penang Freestyle Skating Competition 2012* yang berlangsung di sini baru-baru ini telah dimeriahkan dengan penyertaan 81 peserta profesional dari dalam dan luar negara termasuk Thailand, Indonesia, dan Singapura.

Bersempena penganjuran dua hari tersebut, pasukan Cheung Clarence diumumkan sebagai juara katogeri *Classic Slalom* (lelaki) manakala Kimberly Cordeiro bagi kategori wanita. Kedua-dua pemenang utama tersebut adalah dari Singapura. Dalam pada itu, bagi acara kemuncak, *Battle*, Cheung turut diumumkan sebagai juara lelaki dan kategori *Battle* wanita dimenangi Piyapa Dechfoong dari Thailand.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, kemahiran dan hasil usaha yang tinggi adalah diperuntukan dalam bidang sukan tersebut.

"Peserta yang terlibat dalam sukan ini perlu melakukan latihan yang konsisten. Sistem pemarkahan amatlah ketat dan memerlukan kemahiran yang tinggi untuk mencapai kejayaan.

"Malah, ketabahan dan usaha yang gigih akan membuahkan hasil dalam menguasai teknik serta kemahiran dalam sukan ini," ujar beliau pada Majlis Perasmian *Penang Freestyle Skating Competition 2012 di sini* baru-baru ini.

Sebelum ini, Pulau Pinang juga telah berjaya melahirkan jaguh sukan kasut roda iaitu Oh Chee Kuan dan Oh Chee Peng yang pernah memenangi pertandingan peringkat antarabangsa di China serta Korea Selatan pada tahun 2010 dan tahun lalu.

Turut hadir, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ar. Patahiyah Ismail dan Pengarah Rekreasi, Pelangcongan dan Hal Ehwal Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Kok Fooi menyatakan bahawa pertandingan tersebut bukan hanya dapat membantu para peserta menilai bakat pada diri masing-masing, malah, ia juga bagi mengeratkan silaturrahim dan menerokai keindahan Pulau Pinang yang mendapat jolokan *Pearl of The Orient*.

"Saya berharap anda semua (para peserta) tidak akan melepaskan peluang melawati tempat-tempat menarik di Pulau Pinang sambil menikmati makanan terkenal di sini seperti nasi kandar, cendol, asam laksa, char kueh teow dan lain-lain lagi," ujarnya.

## 400 sertai *Nestle Walking Day* Balik Pulau

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BALIK PULAU -** Lebih 400 orang menyertai "*Nestle Walking Day*" sejauh 2.5 kilometer bermula di perkarangan Dataran Muafakat dekat Kompleks Pasar Awam Balik Pulau, di sini baru-baru ini.

Jalanan santai itu bermula pada jam 9 pagi merentasi desa dan danai sebelum kembali ke Dataran Muafakat.

Sebelum itu, ahli jawatankuasa penganjur, para peserta dan masyarakat umum menyertai aktiviti senamrobik kendalian jurulatih profesional dari Persatuan Kesihatan dan Kecerdasan Pulau Pinang.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain semasa berucap melahirkan penghargaan kepada penganjur, Syarikat Nestle Sdn. Bhd. (Nestle) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

"Terima kasih atas CSR (tanggungjawab sosial korporat) Nestle berhubung penganjuran gaya hidup sihat ini," ujar beliau sebelum menyempurnakan majlis cabutan bertuah *Nestle Walking Day* di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPPP, Mohd. Rashid Hasnon dan dan Muhammad Sabri Md. Osman turut serta dalam riadah tersebut.

Dalam perkembangan lain, Abdul Halim berkata, rakyat setempat sebenarnya memerlukan lebih banyak pusat rekreasi sungguhpun MPPP sedang membina sebuah Taman Mini Rekreasi berhampiran komples Pasar Awam Balik Pulau.

Tuntas dari itu katanya, partisipasi syarikat korporat sangat diperlukan dalam membangunkan lebih banyak lagi kawasan rekreasi selain berusaha menggalakkan aktiviti gaya hidup sihat demi merealisasikan hasrat Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.



**ABDUL Halim Hussain (berbaju hijau tanpa topi) turut menyertai jalanan santai meredah danai desa dalam program *Nestle Walking Day* di sini baru-baru ini. (Gambar ihsan *Pegawai Media Speaker DUN*).**

# Keenakan roti arab setanding roti biasa

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**



ADUNAN tepung dicanai.



ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee (kanan sekali) bersama PPK Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar (tiga dari kiri) merasai keenakan roti arab keluaran Sejati Ummah Enterprise.

**TANPA** kolesterol dan campuran telur, roti arab yang masih belum menyeluruh popularitinya di pasaran tempatan sesuai dijadikan sajian utama keluarga yang mementingkan penjagaan kesihatan. Malah, ia juga menjadi pilihan untuk pengamal pemakanan hanya berasakan bahan sayur-sayuran dan buah-buahan, *vegetarian*.

Menariknya, perusahaan dijalankan di Kampung Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan (SPS) tersebut diusahakan sepasang suami isteri yang dahulunya berkecimpung dalam dunia korporat. Pernah bertugas sebagai pengawai kanan sebuah syarikat multinasional, keputusan untuk berhenti bagi membantu isteri (Musalmah Yusop, 43) dalam bidang perniagaan roti arab tidak pernah mengecewakan Nor Zamri Latiff.

Dikurniakan enam cahaya mata, pembabitan pasangan tersebut dalam bidang perniagaan kini adalah bermula dengan minat membuat kek, biskut raya dan roti. Malah, ia juga banyak didorong oleh latar belakang keluarga Musalmah dalam bidang perniagaan termasuk jualan langsung, menjual kain, barangan makanan dan lain-lain.

Menurut Musalmah, berbanding penjualan roti, kek dan kuih, beliau melihat tidak banyak persaingan dalam pembuatan roti arab. Kebetulan pada tempoh itu, beliau juga terserempak dengan seorang rakan lama yang sanggup berkongsi resipi roti arab dengannya.

"Modal untuk memulakan perniagaan ini (roti arab) adalah sebanyak RM12 ribu. Jumlah tu memang banyak dan pada masa tu, memang saya masih teragak-agak kerana takut gagal separuh jalan dan rugi semuanya.

"Dalam kerunsingan memikirkan pasal tuh, suatu hari, saya mendapat hidayah supaya meneruskan juga bidang perniagaan ini. Alhamdullilah, semuanya berjalan lancar,'' katanya kepada Buletin Mutiara yang mengadakan lawatan ke Syarikat Sejati Ummah Enterprise milik bersama suaminya di sini baru-baru ini.

Musalmah memberitahu, wang modal yang dilaburkan digunakan untuk membeli pembakar dan pengadun sebelum memperoleh bantuan daripada pihak Jabatan Pertanian yang kemudiannya menyumbang sebuah lagi mesin pembakar tambahan kepada beliau.

Bahan asas penyediaan roti arab adalah tepung, gula dan yis. Proses mencanai roti arab bagi Mulsamah dan para pekerjanya adalah bermula pada pukul 8 pagi dan berlanjutan sehingga empat jam. Roti yang telah siap dicanai kemudian dibiarkan selama empat jam sebelum dibakar selama dua jam. Satu jam lagi digunakan untuk proses pembungkusan.

Menyentuh mengenai pemasaran produk, Musalmah menyatakan bahawa penghantaran dilakukan sendiri oleh suaminya di kawasan berdekatan seperti Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah (Pulau Pinang) dan Taiping, Perak. Bagi kawasan yang jauh, produk tersebut dipos mengikut permintaan semasa.

Tidak dinafikan, bagi Musalmah, pemasaran merupakan cabaran utama dihadapinya. Ini kerana, masyarakat belum 'mengenali' sepenuhnya kenikmatan roti arab yang sememangnya menyerupai roti biasa. Malah, baginya, rasa roti arab adalah lebih sedap berbanding roti biasa yang ada di pasaran.

"Bagi menambah kenikmatan roti arab, adalah wajar ia dipanaskan di dalam kuali ataupun ketuhar bagi melembutkannya sebelum makan. Ia boleh dicicah dengan kuah kari, dal ataupun sambal,'' jelas Musalmah yang turut menyatakan bahawa tempoh ketahanan roti arab keluarannya adalah selama lapan hari dan sebulan sekira ia disimpan dalam ruang sejuk beku peti ais.

Bagi perancangan masa depan, Musalmah berharap dapat meluaskan pasarannya ke seluruh negara. Pada masa sama, beliau juga ingin menceburi industri sejuk beku roti arab keluaran beliau bersama suami.

Bagi tempahan :
**Sejati Ummah Enterprise**
**019 – 480 6546**



Roti Arab yang telah siap dibakar.



NOR Zamri Latiff sedang memasukkan bungkusan roti arab untuk dihantar mengikut tempahan semasa.



MUSALMAH Yusop.

# “Pondok An-Nahdhoh dibina dengan air mata” - Ust. Mutalib Maarof


USTAZ Abdul Mutalib Maarof.

**YANG** DiPertua Yayasan an-Nahdhoh, Ustaz Abdul Mutalib Maarof (Mutalib) menerima Anugerah Khas Keagamaaan daripada Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri tahun ini. Ikuti wawancara wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MOHD. HAFIZ TAJUDIN** dengan tokoh agamawan berkenaan baru-baru ini.

**BM : Dari luar, Yayasan ini yang lengkap dengan madrasah, hotel, asrama penghafal al-Quran sungguh indah. Bolehkah Ustaz menjelaskan mengenai perkampungan ilmu Islam ini dengan diri ustaz.**

**Mutalib :** Inilah an-Nahdhoh, pondok seperti pondok-pondok lain. Nama An-Nahdhoh ini membawa maksud “kebangkitan”, semestinya di sana ada terhimpun harapan saya, seluruh ahli lembaga pengurusan Yayasan (an-Nahdhoh), murid-murid pondok serta semua yang berasa tempat ini sebahagian dari kehidupan mereka mahu di sini jadi pemangkin pada kebangkitan pada budaya ilmu dan kesedaran beragama.

Mana-mana pondok pun ada “Tok Guru” yang menjadi rujukan pada murid-murid pondok. Dalam sistem pondok, “Tok Guru” adalah tonggak pada satu-satu pondok. Apabila kita buka (pondok an-Nahdhoh) di sini, kita ada tonggak dan saya cuba memikul amanah ini dengan air mata.

**BM : Tentu banyak cabarannya, kalau tidak masakan pondok ini dibina dengan “air mata”. Boleh Ustaz berkongsi pengalaman di sebalik kejayaan membina pondok moden ini?**

**Mutalib :** Sejak zaman mengaji pondok lagi, saya azam nak hidup cara pondok dan kongsi ilmu agama setakat yang ada dengan masyarakat.

An-Nahdhoh ini pondok sahaja, cuma bangunannya itu moden sikit dan sesuai dengan perkembangan masa sekarang.

Pondok an-Nahdhoh ini didirikan di Bukit Indera Muda pada tahun 1999 lagi. Oleh kerana pondok asal sempit, makin sesak dengan pengajian kita, kita ambil keputusan berpindah ke sini (Kampung Patani, Kubang Semang) pada tahun 2003.

Kerja agama cabarannya memang banyak sebab Allah pun kata dalam ayat dua dan tiga (dari) Surah al-Ankabut bahawa orang yang beriman mesti diuji.

Kita cari duit, terpaksa berhutang sana sini dengan orang untuk beli tanah dan bina pondok ini. Pelan perancangan semuanya dalam otak saya sebelum dikemukakan kepada pihak pengurusan. Banyak pihak membantu. Tapi, ada jawatankuasa yang tak boleh faham dan ada yang tidak boleh menerima. Sampai satu saat, mereka tinggal kita keseorangan. Paling sedih, ada yang tentang kita balik disebabkan berbeza pendapat dalam hal-hal furu’ (cabang/remeh).

**BM : Saya secara peribadi lihat, kalau di Pondok Pulau Melaka, Kelantan milik Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Di Pulau Pinang, kita ada pondok an-Nahdhoh. Maka, adalah wajar Ustaz menerima Anugerah Khas Keagamaan dari T.Y.T Pulau Pinang sempena Maulidur Rasul tahun ini. Apa perasaan Ustaz?**

**Mutalib :** Saya buat kerja agama sejak duduk belajar di pondok (dekat Kedah) lagi, masa itu saya berulang-alik mengajar di (masjid serta surau sekitar) Pulau Pinang dengan motosikal sejak usia berbelas tahun lagi. Maknanya, hampir 20 tahun saya di Pulau Pinang.

Dari belajar di pondok sampai buka pondok sendiri, hati nampaknya memang di Pulau Pinang. Kahwin pun dengan orang Pulau Pinang sungguhpun saya orang Perak dan belajar di Kedah.

Sejak mengaji di pondok, bukan lah cita-cita mengejar anugerah atau pingat atau tokoh apa-apa. Saya memang suka mengajar macam dulu. Sekarang pun, macam dulu melaksanakan tugas mengajar agama macam biasa walaupun sibuk.

Saya pernah berpeluang ke pejabat Ketua Menteri dan diberi masa hampir satu jam untuk saya terang mengenai perarakan Maulidur Rasul. Alhamdulillah, beliau seorang yang terbuka dan bukan anti Islampun...buat apa sesetengah orang Islam kita hantar kek tahi.

**BM : Apakah harapan Ustaz untuk Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang?**

**Mutalib :** Yayasan An-Nahdhoh ini, Alhamdulillah boleh berdiri dengan sendirinya berkat sokongan banyak pihak. Semoga tradisi pengajian agama ala pondok sesuai dengan keperluan zaman sekarang ini lebih banyak tumbuh di negeri ini.

Di sini, kita ada hotel ala Islam kita sendiri yang mungkin boleh jadi pilihan pada mana-mana organisasi Islam hatta Majlis Agama (Islam negeri Pulau Pinang, MAINP) sendiri untuk mengadakan seminar atau kursus. Keuntungan urus tadbir hotel ini sebenarnya banyak membantu pada perkembangan murid-murid di sini.

Sekarang, kita sedang berusaha membeli sebidang tanah di sini untuk dibina sebuah flat untuk murid-murid, orang awam serta warga emas yang berminat duduk dalam perkampungan Islam ini. Kalau berjaya, mungkin inilah flat ala pondok pertama di negara ini, InsyaAllah.


DEWAN Utama Madrasah an-Nahdhoh yang menjadi tempat solat berjemaah, kuliah agama serta kamar menghafal al-Quran.

# Projek villa, banglo dilulus sebelum PR

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**



AR. Patahiyah Ismail (tengah) bersama Pengarah Bangunan MPPP, Ar. Yew Tung Seang (kanan) dan Penolong Pengarah Penguatkuasa MPPP, Azman Sirun (kiri) pada satu sidang akhbar mengumumkan Majlis Pelancaran Astaka Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

**TANJONG BUNGA –** Keresahan penduduk *Mount Pleasure* di sini yang membantah projek pembinaan 21 unit villa empat tingkat dan 80 unit banglo di lereng bukit dan keadaan Jalan Low Yat yang tidak diselenggara selama sepuluh tahun terjawab apabila Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) melalui kenyataan akhbarnya menyatakan bahawa jalan tersebut merupakan jalan persendirian.

Melalui semakan pihak MPPP, Jalan Perkhidmatan (*Services Road*) seperti yang dipaparkan pada akhbar sebelum ini merupakan jalan persendirian yang mana ianya diselenggara dan diuruskan oleh pihak pemaju yang bertanggungjawab iaitu Tetuan Low Yatt.

YDP MPPP, Ar. Patahiyah Ismail berkata, sebelum ini, pihak majlis telah memaklumkan kepada pemaju agar membaikpulih jalan tersebut dengan segera.

"Pihak majlis telah memaklumkan isu tersebut kepada pihak pemaju agar mengambil tindakan segera bagi memastikan Jalan Perkhidmatan berkenaan dibaikpulih mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

"Hasilnya, kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan jalan berkenaan telah bermula pada 31 Mei 2012 yang lepas," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau menambah bahawa cadangan pembangunan projek mewah di lereng bukit tersebut telah diluluskan kebenaran merancang sejak 21 Jun 2006.

"Kebenaran merancang telah dikeluarkan pada 2006 kepada pemaju *Island Bay Resort*. Walaupun begitu, pihak pemaju tidak menjalankan kerja-kerja pembinaan di tapak dan kebenaran merancang berkenaan diperbaharui pihak pemaju pada setiap tahun.

"Bagaimanapun, permohonan perlanjutan kebenaran merancang kelima yang merupakan perlanjutan terakhir akan luput pada 20 Jun 2012 yang akan datang," ujarnya.

# MPPP gesa Perkasa dikena denda setimpal



ONG Ah Teong (empat dari kiri) menyerahkan gambar dan bukti pembakaran terbuka Perkasa Pulau Pinang kepada Pegawai Peguatkuasa MPPP, Abdul Koder Jusoh (dua dari kanan) untuk tindakan lanjut di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menggesa agar Bahagian Alam Sekitar (DEO) mengambil tindakan tegas terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) Pulau Pinang yang didakwa telah melakukan pencemaran terbuka ekoran tindakan membakar beberapa helai baju perhimpunan Bersih 3.0 pada satu demonstrasi di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong berkata, melalui Akta 29 (a) Bahagian Alam Sekitar (DEO), pihak terbabit berhak mengeluarkan hukuman denda iaitu sebanyak RM500,000 atau sekurang-kurangnya dua tahun penjara gara-gara tindakan berkenaan.

"Denda yang lebih berat iaitu sebanyak RM500,000 hanya boleh dikeluarkan oleh DEO kerana kesalahan melakukan pembakaran di tempat terbuka. Ini bukan sahaja merupakan pencemaran, tetapi soal keselamatan orang ramai, terutama anak-anak muda, warga emas dan pelancong yang sentiasa berada di perkarangan Komtar.

"Manakala, kita (MPPP) hanya berhak mengeluarkan saman sebanyak RM1,000 bagi kesalahan mencemarkan empat jalan iaitu Jalan Pinhorn, Jalan Sungai, Jalan Datuk Keramat dan Jalan Ria," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, pada sidang media sama, Ahli Majlis Mohd. Rashid Hasnon berkata, Perkasa menunjukkan etika dan moral yang rendah apabila bersikap demikian di khalayak ramai.

"Perkasa menunjukkan contoh dan teladan yang tidak baik kepada anak muda masa kini. Sepatutnya, jika mempunyai sebarang masalah perlulah menggunakan saluran yang betul," ujar Mohd. Rashid.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Ramlah Bee Asiahoo, Harvinder Singh, Felix Ooi, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Lim Siew Kim.



SALAH seorang penguatkuasa PKDTL menunjukkan lipas yang dijumpai di restoran nasi kandar terkemuka di sini baru-baru ini.

# Restoran nasi kandar kotor diarah tutup 2 minggu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJONG BUNGA –** Bertindak atas aduan awam, sebuah restoran nasi kandar terkemuka di sini telah diberi notis tutup dua minggu oleh Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut (PKDTL) berikutan keadaan kebersihan yang tidak memuaskan dan operasi premis tidak mengikut prosedur ditetapkan.

Selain sisa minyak yang mencemari longkang bangunan, restoran berkenaan juga dipercayai tidak memiliki saluran kumbahan yang sesuai sehingga menyebabkan air tercemar tersalur terus ke dalam longkang.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap, Kesihatan Awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Ong Ah Teong berkata, kedai berkenaan diperintahkan tutup mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Serbuan tersebut dilakukan berikutan beberapa aduan penduduk setempat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Pecinta Pantai Tanjung Bungah Pantai ekoran bau busuk serta pencemaran yang berlaku di Sungai Emas yang terletak di kawasan berhampiran.

"Sekiranya didapati bersalah, pemilik boleh dikenakan penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak lebih RM30,000 atau kedua-duanya sekali," katanya pada operasi yang diadakan bersama PKDTL di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, selain terpaksa tutup, premis berkenaan turut disaman RM350 oleh MPPP kerana air yang tercemar tersalur terus ke dalam longkang dan pemilik premis terbabit tidak mengambil langkah sesuai untuk mengelak pembiakan vektor.

# Pulau Pinang ke arah mesra OKU

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kini giat mengimplimentasi kemudahan akses dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri yang mesra golongan orang kurang upaya (OKU).

Yang diPertuanya, Ar. Patahiyah Ismail berkata, pelbagai aspek telah diambil kira dan diterapkan agar penyediaan kemudahan akses kepada OKU selaras dengan piawaian Malaysia *Standard MS 1183, MS 1184* dan *MS1331*.

"Dalam pada itu, terdapat juga peruntukan khas perundangan di bawah *By-laws 34A of Uniform Bulding Bylaws 1986 (UBBL)* yang mensyaratkan bangunan-bangunan supaya menyediakan aksesibiliti bagi membolehkan OKU masuk ke, dari dan dalam bangunan," katanya pada *Bengkel Towards OKU Friendly Penang* di sini baru-baru ini.

Kira-kira 100 peserta termasuk pemaju, para profesional dari sektor awam dan swasta, pensyarah, penyelidik dan tenaga pengajar jurusan senibina bangunan dan wakil-wakil persatuan OKU menyertai bengkel tersebut yang bertujuan memperkenalkan tentang aplikasi konsep bebas halangan serta rekaan sejagat dalam binaan alam sekitar. Pada masa sama, ia juga bagi menggalakkan kesedaran tentang masalah dan cabaran dihadapi OKU sekiranya struktur akses yang sempurna tidak disediakan.

Bengkel dua hari yang dianjurkan oleh MPPP dengan kerjasama Jabatan Standards Malaysia, *KAED Universal Design Unit (KUDU)*, Kuliyyah Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia itu turut dihadiri selebriti terkenal, Ras Adiba Radzi yang juga merupakan salah seorang panel bengkel tersebut di sini.

Patahiyah memberitahu, bengkel tersebut merupakan kesinambungan ke arah kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan dalam memastikan golongan OKU mendapat kemudahan yang sewajarnya.

"Kemudahan keperluan akses OKU di beberapa lokasi di Malaysia umumnya masih di tahap minimum, malah, kebanyakan bangunan-bangunan tidak mesra OKU dan perlu penambahbaikan agar memudahkan pergerakan golongan terbabit ketika berurusan.

Dalam pada itu, Pengarah Bangunan MPPP, Ar. Yew Tong Seng berkata, penganjuran bengkel tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada OKU, malah juga kepada agensi kerajaan dan pemaju terlibat dalam memberi kemudahan akses yang mesra OKU.

"Kita (MPPP) dan Jabatan Standard Malaysia telah mengadakan sesi audit akses di lima lokasi sering dikunjungi OKU di Pulau Pinang iaitu Bukit Bendera, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lebuh Campbell, pusat membeli-belah Komtar dan *1st Avenue*.

"Justeru, tempat-tempat tersebut akan dilengkapi dengan kemudahan akses yang mesra OKU dan berdasarkan prinsip Reka Bentuk Sejagat kelak," ujar Tong Seng.




**AR. PATAHIYAH Ismail (tiga dari kiri) bersama Yew Tong Seng (tiga dari kanan), Ketua Penolong Pengarah Standards Malaysia, Ahmad Razif Rahim (kanan sekali) dan Pengarah dan Pensyarah KUDU, Profesor Datuk Dr. Ar. Asiah Abdul Rahim (dua dari kanan) ketika merasmikan *Bengkel Towards OKU Friendly Penang* di sini baru-baru ini.**

# Struktur binaan tanpa lesen diroboh MPPP

**GEORGE TOWN –** Bertindak atas maklumat awam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah merobohkan struktur tambahan yang tidak mempunyai kelulusan dan binaan melebihi garisan bangunan ditetapkan di sebuah pusat membeli-belah terkemuka di sini baru-baru ini.

Jurucakap MPPP berkata, sebelum mengambil sebarang tindakan, pihak majlis telah mengeluarkan notis pertama pada 22 Disember 2011 di bawah Seksyen 97 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik premis.

"Tempoh telah diberikan kepada pemilik agar patuhi garis panduan binaan tambahan sehingga 1 Mei 2012. Memandangkan kehendak notis masih tidak diikuti, pihak MPPP telah bertindak mengambil dan merampas perabot di premis berkenaan.

"Pada masa sama, Bahagian Perlesenan MPPP turut menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa dan amaran lisan juga telah diberikan ekoran aduan orang ramai serta penghuni pangsapuri (di atas kompleks) berhubung bunyi bising yang berlanjutan hingga lewat pagi dan juga kejadian pergaduhan yang berlaku," katanya sejurus selepas selesai operasi berkenaan di sini baru-baru ini.

Kira-kira 20 pegawai dan kakitangan Bahagian Perlesenan, Bangunan, Perancang Bandar dan Unit Penguatkuasa MPPP terlibat dalam operasi berkenaan.

Ekoran struktur bersimen dan berbatu, pihak MPPP mengambil masa hampir dua hari untuk merobohkan struktur yang didapati melanggar garis panduan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.



**ANGGOTA Penguatkuasa MPPP bertungkus-lumus menurunkan struktur cermin pintu berkaca pada operasi perobohan di sebuah pusat membeli belah terkemuka di sini baru-baru ini.**

# Memasak dalam taman tarik 22 penyertaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**KEBUN BUNGA –** Seramai 22 peserta dari pelbagai peringkat umur tidak melepaskan peluang untuk berentap dalam Pertandingan Memasak Di Dalam Taman 2012 di sini baru-baru ini.

Pertandingan yang dirasmikan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ar. Patahiyah Ismail tersebut dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu kategori suri rumah, kategori perantis dan kategori profesional.

Kategori Suri Rumah yang memperoleh lima penyertaan dimenangi pasangan, Zaini Mohamed Esa dan Mohd. Hasan Bin Mohd. Noor. Bagi kategori perantis (12), dimenangi Katelyn Tan dan Tan Yee Pek. Kategori terakhir iaitu kategori profesional (5) digondol oleh Ong Ling Ming dan Tan Wen Yee.

Kemenangan ditentukan oleh juri dengan mengambil kira beberapa kriteria antaranya rasa makanan, hiasan makanan, kreativiti dan kekemasan dapur selepas memasak.



**AR. Patahiyah Ismail (tengah) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Pertandingan Memasak Di Dalam Taman 2012 di sini baru-baru ini.**

# Banjir Kampung Bukit bakal diatasi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS –** Masalah banjir yang berlarutan sejak pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) di Kampung Bukit di sini bakal menemui penyelesaiannya ekoran inisiatif untuk menambaik sistem saliran oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kini.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang, Kerajaan Negeri telah memperuntukan kira-kira RM200,000 bagi kerja-kerja penambahbaikan sistem saliran air di sini.

"Kerja-kerja penambahbaikan adalah termasuk menggantikan kotak pembentungan dan menaiktaraf parit konkrit sepanjang 70 meter," ujar Choo Kiang ketika lawatan beliau ke Jalan Besar, Kampung Bukit di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas, Asnah Hashim berkata, kawasan tersebut sering dilanda banjir dan lebih memburukkan apabila limpahan aliran air hujan turun dari Taman Sri Bayu ke kawasan tersebut.

"Kawasan Kampung Bukit ini rendah dan kerap kali apabila hujan, pasti kawasan tersebut dinaiki air.

"Longkang sedia ada tidak terancang pembinaannya dan sering tersumbat dengan pasir sehingga tidak dapat menampung jumlah air yang banyak," ujar Asnah.

Tambah beliau, penduduk sekitar kawasan tersebut dipercayai sering menyuarakan masalah banjir kepada kerajaan terdahulu (Kerajaan Negeri BN), namun, tiada sebarang tindakan yang diambil.



LAW Choo Kiang (dua dari kanan) menerangkan cadangan kerja-kerja penambahbaikan sistem saliran oleh Jabatan Kerja Raya sempena lawatan beliau di Kampung Bukit di sini baru-baru ini.

"Alhamdulillah, sebagai kerajaan berjiwa rakyat, kita mengambil inisiatif untuk mendengar dan menyelesaikan masalah rakyat," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Bukit, Akbar Ibrahim.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM7 juta bagi menangani dan membendung masalah banjir di Pulau Pinang.



ROSIDI Hussain (kanan sekali) dan Johari Zakaria (depan, kiri sekali) membantu salah seorang peniaga kecil memakaikan apron yang disumbangkan di sini baru-baru ini.

# 15 peniaga kecil terima apron

**PENAGA -** Selaras dengan visi menjadikan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat, buat julung kalinya, pasukan gerak kerja Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) tempatan telah turun padang mengedarkan apron kepada peniaga-peniaga kecil di sini baru-baru ini.

Pegawainya, Rosidi Hussain berkata, sumbangan apron tersebut merupakan inisiatif JKKK Kampung Bakau Tua.

"Ini merupakan kali pertama, penyerahan sumbangan apron diberikan kepada peniaga-peniaga kecil di sini.

"Sejumlah 15 helai apron telah diedarkan kepada golongan tersebut sekitar Kampung Permatang Bendahari, Pulau Mertajam, Bakau Tua dan Kuala Muda,'' ujarnya bersempena program turun padang menyampaikan apron kepada peniaga-peniaga kecil di sini baru-baru ini.

Beliau yang hadir bersama Pengerusi JKKK Bakau Tua, Johari Zakaria berkata, beliau akan meneruskan usaha mengenali, mendekati masyarakat setempat dan juga mendengar permasalahan yang dihadapi penduduk di sini dari semasa ke semasa.

# Riadah sempena *Euro 2012*

**MERIAH...** Kehangatan kejohanan bola sepak *Euro 2012* jelas terasa di mana-mana jua. Tidak ketinggalan di kawasan Pulau Betong apabila Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pondok Upeh telah menganjurkan program *Aura Euro 2012* di Taman Rekreasi Pondok Upeh di sini baru-baru ini.

Pelbagai acara telah diaturkan sepanjang program tersebut antaranya sukaneka, senamrobik dan cabutan bertuah. Program riadah yang mendapat sambutan daripada Persatuan Sahabat Belia Pulau Pinang dan Wanita Prihatin Pulau Pinang turut mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk sekitar.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohd. Taufik Sulong.



MOHD. Tuah Ismail (berbaju putih) tidak melepaskan peluang menyepak bola ke gawang mini pada program Aura Euro 2012 di Taman Rekreasi Pondok Upeh di sini baru-baru ini.

# Penduduk TAT diseru daftar Program Anak Emas

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TELOK AYER TAWAR -** Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Ayer Tawar, Salehin Mohamed menyeru supaya para pengundi berdaftar Dewan Undangan Negeri ini yang mempunyai anak dilahirkan pada tahun 2011 dan 2012 supaya tidak melepaskan peluang mendaftar di bawah Program Anak Emas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang.

Beliau memberitahu, bagi penyampaian sumbangan fasa ke-4 yang diadakan di Dewan Orang Ramai Pantai Robina di sini baru-baru ini, seramai 316 anak emas layak menerima RM200 di bawah program berkenaan.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Wira, Halim Abdullah dan Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Anuar Hashim.

Dalam pada itu, bagi seorang ibu, Fazidah Salleh, 37, dari Kepala Batas, beliau berterima kasih dan bersyukur atas pemberian RM200 melalui Program Anak Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Saya harap sangat Kerajaan Negeri dapat meneruskan program-program seperti ini.

"Alhamdulillah, sekurang-kurangnya ia dapat meringankan kos sara hidup," ujar Fazidah selepas menerima wang sumbangan di sini baru-baru ini.

Manakala bagi Ang Wei Seng, 30 dan Osman Abd. Latif, 35, mereka terharu atas keprihatinan Kerajaan Negeri yang bukan sahaja memahami masalah rakyat, tetapi turut membantu rakyat mendapatkan kehidupan yang lebih harmoni.



**SEBAHAGIAN** ibubapa yang hadir untuk menerima sumbangan Program Anak Emas.

## Pusat Komputer percuma untuk rakyat

**PANTAI JEREJAK –** Demi memastikan pembangunan berterusan insaniah dan intelektual masyarakat setempat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin mengambil inisiatif khas menubuhkan sebuah Pusat Komputer Komuniti dan Internet Percuma kepada penduduk rumah pangsa Jalan Tengah, di sini baru-baru ini.

Menurut Tze Tzin, penubuhan pusat tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki komputer, malah, ia juga bagi membantu komuniti di rumah pangsa berkenaan mengetahui isu-isu terkini dengan tepat, benar serta cepat.

"Kita telah bercadang untuk mengambil seorang guru yang boleh mengajar komuniti di sini menggunakan komputer.

"Dalam zaman globalisasi ini, saya percaya setiap individu perlu melengkapkan diri dengan pelbagai maklumat termasuk kepakaran menggunakan teknologi maklumat alam maya ini," ucap beliau pada Majlis Perasmian Pusat Komputer Komuniti dan Internet Percuma di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, sejumlah RM10,000 telah dibelanjakan bagi penubuhan pusat berkenaan. Justeru, beliau berharap agar masyarakat setempat dapat memanfaatkan kemudahan disediakan dan menjaganya dengan baik kerana ia adalah hak milik rakyat.

Hadir sama ke majlis perasmian tersebut adalah Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mahsuri dan kira-kira 300 penduduk rumah pangsa terbabit.



**SIM Tze Tzin (berkemeja biru) beramah mesra dengan pengguna cilik Pusat Komputer Komuniti dan Internet Percuma di sini baru-baru ini.**

## ADUN edar sungkup muka kepada pelajar



**S.Raveentharan (berkemeja merah) memakaikan sungkup muka kepada salah seorang murid SRJK (C) Keong Hoe di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN –** Baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, S.Raveentharan telah mengadakan lawatan ke lima buah sekolah di kawasan beliau bagi mengedarkan sungkup muka (*face mask*).

Menurut beliau, memandangkan kemerosotan kualiti udara di Pulau Pinang, beliau mengambil inisiatif untuk mengedarkan sungkup muka kepada murid-murid sekolah agar mereka tidak terdedah dengan pencemaran udara.

"Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Pulau Pinang semakin tinggi dan ia tidak menyihatkan.

"Oleh demikian, saya harap pihak sekolah juga dapat menggalakkan murid-murid memakai *face mask* agar mereka tidak terdedah kepada bahaya jerebu.

"Saya juga harap orang ramai mengurangkan aktiviti luar kerana kualiti udara yang dicatatkan kini tidak menyihatkan," ujar Raveentharan di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, beliau telah mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) (Cina) Keong Hoe, SRJK (C) Shih Chung, SRJK (C) Kwong Hwa, SRJK (C) Min Sin dan SMJK (C) Phor Tay di sini.

# BN Hilang Modal & Terus Buat Fitnah :

| FITNAH UMNO | FAKTA BENAR |
|---|---|
| Penjualan tanah Bayan Mutiara dibuat secara rundingan. | Tender terbuka dijalankan dan tidak diberikan kepada kroni. |
| Hasil penjualan tanah Bayan Mutiara tidak bermanfaat kepada rakyat. | RM500 juta diperuntukkan untuk membina rumah mampu milik bermutu yang terbaik di Malaysia agar golongan tidak berada boleh hidup dengan bermaruah. |
| Harga jualan RM240 sekaki persegi terlalu rendah kerana boleh dijual dengan harga RM420 sekaki persegi. | Harga tender terbuka untuk semua. Cabar UMNO beli dengan RM420 sekaki persegi tapi UMNO tidak berani terima. |
| Rancangan pembinaan terowong ke Balik Pulau. | Tiada rancangan langsung. |
| Anti-Bahasa Malaysia kerana minta pelajar boikot Utusan Malaysia dan Berita Harian. | Minta pelajar pilih Sinar Harian (SH) yang lebih benar daripada Utusan Malaysia dan Berita Harian yang pandai sebarkan fitnah anti-PR. Bukankah SH suratkhabar Bahasa Malaysia? |
| Konspirasi besar kerana Ketua Menteri menerima kunjungan hormat Ahli Parlimen wanita PAP. | Mengapa tiada konspirasi apabila Ahli Parlimen wanita PAP turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Wanita UMNO? |
| Ketua Menteri cakap tidak perlukan undi kaum India. | Bukti video menunjukkan bahawa Ketua Menteri mahu dan hormat semua kaum termasuk kaum India. |
| Kerajaan Negeri roboh rumah kampung orang Melayu. | Tiada sebuah rumah kampung pun dirobohkan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya koperasi yang dipengerusikan UMNO robohkannya. |

**Ketua Menteri telah menang saman malu terhadap Utusan Malaysia sebanyak RM 250 ribu atas fitnah jahat beliau anti-Islam, anti-Melayu.**